

UPM di tangga 17 terbaik dunia

UTUSAN MALAYSIA 22/9/2016 P. 31

KUALA LUMPUR 21 Sept. - Universiti Putra Malaysia (UPM) membuktikan prestasi cemerlangnya di persada antarabangsa apabila berjaya melonjakkan kedudukan di tangga ke-17 universiti terbaik dunia hasil kaji selidik yang dilakukan oleh salah sebuah agensi penarafan bertaraf dunia.

Naib Canselornya, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, penarafan tersebut adalah berdasarkan penilaian yang dibuat oleh QS World University Ranking dalam kategori universiti antarabangsa seluruh dunia di bawah usia 50 tahun bagi tahun 2016.

Beliau berkata, pencapaian dicatatkan itu adalah suatu rekod yang membanggakan kerana pada tahun lalu, UPM hanya disenaraikan di tangga ke-38 bagi

kategori yang sama.

"Namun, kedudukan itu jauh berubah hasil pelbagai mekanisma dan usaha penyelidikan dilakukan oleh pensyarah dengan kerjasama pihak pengurusan dan sokongan para pelajar di pelbagai bidang pengajian.

"Pencapaian di tangga ke-17 dan berada dalam lingkungan 20 universiti terbaik di seluruh dunia adalah satu pencapaian yang boleh dibanggakan. Ini menjadi tanda aras penting bagi segala usaha dan kerja keras yang dilakukan selama ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis Mini Karnival dan Konvokesyen SME@UPM 2016, di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM, di sini hari ini.

Dalam majlis itu, seramai 21

graduan terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari seluruh negara menamatkan pengajian jangka pendek selama lima bulan.

Program itu ditawarkan melalui kolaborasi strategik tiga pihak iaitu HRME, SME dan UPM.

Dalam pada itu, Dr. Aini menjelaskan, pelbagai usaha giat telah dan sedang dilakukan UPM bagi memastikan institusi pengajian tinggi awam itu terus kekal produktif dan berupaya melangkah maju dalam melahirkan bukan sahaja graduan cemerlang, malah modul pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan juga mampu menjadikan institusi pengajian tinggi awam itu antara universiti terbaik di dunia.



AINI IDERIS (dua dari kanan) berbual bersama para graduan selepas majlis Mini Karnival dan Konvokesyen SME@UPM 2016 di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM, Kuala Lumpur, semalam.